

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Persaraan adalah suatu keadaan yang membawa perubahan yang besar dalam pendapatan, cara hidup, keadaan sosial dan imej peribadi seseorang. Dengan itu, tidaklah hairan jika dikatakan bahawa persaraan itu boleh menyebabkan seseorang itu mengalami tekanan jiwa, atau sebaliknya, mengalami kegembiraan.

Bersara dari alam pekerjaan bermakna seseorang itu tidak lagi bertugas atau bekerja. Di Malaysia, umur persaraan wajib ialah pada umur lima puluh lima tahun.¹

Semasa mula-mula menjawat jawatan dalam sektor awam, seseorang itu akan dinyatakan dalam kontrak perkhidmatannya, sama ada jawatan yang disandangnya itu tetap dan berpencen, sementara, kontrak dan sebagainya. Pada tahun 1977, kakitangan sektor awam telah diberikan pilihan (opsyen) sama ada mahu memasuki skim berpencen atau terus mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.² Walau apapun pilihannya, ia tetap akan bersara wajib pada umur lima puluh lima tahun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Warga tua adalah merupakan satu golongan kelompok manusia yang telah tua yang tidak lagi aktif jika dibandingkan dengan golongan muda. Warga tua tidak lagi mempunyai tenaga yang kuat dan mereka ini pada kebiasaannya tidak lagi memberikan sumbangan yang penting kepada negara. Apakah pendapat ini benar, dan sejauh manakah kebenarannya?

Walau apapun pendapat yang diberikan, warga tua tetap menjadi warga negara sesebuah negara, dan mereka ini memerlukan berbagai-bagai keperluan yang dinikmati oleh semua manusia yang hidup. Kita semua harus sedar bahawa setiap manusia yang hidup di dunia ini akan menjadi tua (jika umur panjang). Jadi, tidak timbul soalan sama ada warga tua itu aktif atau tidak aktif, memberi sumbangan atau tidak kepada negara. Apa yang penting, warga tua seharusnya diberikan layanan yang sama rata seperti lain-lain warga negara di dunia ini.

Penumpuan kajian ini adalah diberikan khusus kepada pesara-pesara sektor awam yang telah bersara dari perkhidmatan. Mereka ini adalah golongan warga tua yang telah menabur bakti kepada negara melalui penglibatan mereka dalam sektor awam menuju ke arah memakmur dan memesatkan pembangunan. Apakah mereka ini seharusnya dibiarkan tanpa sebarang pembelaan selepas menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan? Apakah mereka cukup sekadar dibayar pencen bulanan atau menghabiskan wang caruman KWSP untuk menampung keperluan kehidupan mereka?

Menghadapi hari persaraan sudah pasti sesuatu yang mendebarkan perasaan seseorang. Ada golongan yang menanti-nantikan saat tersebut, manakala satu golongan yang lain pula merasa takut menghadapinya. Walau apapun, saat tersebut pasti akan tiba dan setiap orang pasti akan menghadapinya. Hidup dalam alam persaraan sudah tentu berbeza dengan alam pekerjaan yang diceburi dahulu. Satu fenomena baru harus diharungi, dan sedikit sebanyak akan mendatangkan kesulitan dan masalah.

Keperluan hidup di alam persaraan sebenarnya tidak banyak berbeza dengan keperluan hidup semasa di alam pekerjaan. Yang menjadi masalah dan persoalan sekarang ialah apakah keperluan-keperluan tersebut dapat dipenuhi. Seseorang yang

hidup perlukan makan, minum, pakaian dan sebagainya; tetapi apakah keperluan makan minum dan pakaian yang diperlukan oleh pesara-pesara dapat dipenuhi secukupnya, dan jika tidak cukup, bagaimanakah mereka mengelolaknya?

Perancangan awal untuk menghadapi hari persaraan adalah penting. Persaraan boleh menjadi suatu mimpi yang indah atau sebaliknya, dan ini adalah bergantung kepada bagaimana seseorang itu merancang.³ Ini bermakna, sebelum bersara, seseorang itu mestilah membuat penelitian dan perancangan yang wajar tentang keperluan-keperluan yang diperlukan semasa mengharungi hari-hari persaraan. Dengan adanya perancangan yang baik, nescaya seseorang itu dapat mengatur keperluan hidupnya dengan baik, dan tidak akan menghadapi kesulitan dalam mengelolakan kehidupannya. Dalam membuat perancangan awal, seseorang itu seharusnya menetapkan cara-cara untuk memenuhi keperluan hidupnya dimasa akan datang. Di antaranya termasuklah perancangan ekonomi dan kewangan, pemilihan cara hidup dan aktiviti-aktiviti yang akan diceburi. Dengan adanya perancangan yang baik, hidup di masa hadapan akan terurus dan tidak menyusahkan. Pesara-pesara akan dapat menentukan keperluan yang manakah yang perlu dipilih mengikut keutamaan.

Penyelarasan hidup di alam persaraan adalah penting bagi setiap pesara. Penyelarasan ini boleh menjadi sesuatu yang amat sukar untuk dilakukan. Oleh itu, seseorang pesara mestilah dapat melihat bahawa kehidupan di alam persaraan sesuatu yang mencabar, kerana mereka tidak akan mendapat pendapatan yang penuh seperti mana semasa mereka masih berkhidmat dahulu. Keperluan-keperluan yang dianggap penting adalah keperluan fisiologi dan sosio-budaya, keperluan ekonomi, dan keperluan kesihatan.

Teori Keperluan Manusia (“human needs”) yang dipelopori oleh Abraham H. Maslow adalah diasaskan atas kepercayaan bahawa tuju arah (“goals”) akan menyebabkan terjadinya sesuatu tingkah laku manusia, keadaan (“nature”) dan cara tindakannya.⁴ Dari situ, manusia akan didorong untuk mencapai sesuatu matlamat yang hendak dicapai.

1.3 Pernyataan Masalah dan Soalan-Soalan Penyelidikan

Dalam menempuh hidup di alam persaraan, pesara-pesara kerajaan pada umumnya akan terbahagi kepada dua golongan yang besar iaitu, golongan yang dapat hidup dengan senang dan terurus dan satu lagi golongan ialah yang hidup dalam keadaan yang susah dan melarat. Perkhidmatan Awam di Malaysia telah wujud semenjak sebelum merdeka lagi tetapi masalah-masalah yang dihadapi oleh pesara-pesara sektor awam masih tidak dapat diselesaikan sepenuhnya sehingga hari ini. Persoalannya di sini ialah mengapakah masih wujud golongan pesara kerajaan yang susah dan melarat di dalam keadaan negara yang sedang membangun dengan pesat pada hari ini?

Dan seterusnya, masalah keperluan yang tidak dapat dipenuhi oleh warga tua, khususnya, pesara-pesara sektor awam ini akan terus berpanjangan sekiranya langkah-langkah untuk mengatasinya tidak dijalankan oleh pihak-pihak tertentu. Dalam konteks ini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi dan membasmi masalah tersebut?

Soalan-soalan penyelidikan ialah seperti berikut:-

- 1.3.1 Apakah perancangan awal sebelum bersara telah dibuat oleh pesara-pesara dalam menentukan keperluan yang diperlukan?

- 1.3.2 **Apakah pesara-pesara memerlukan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan mereka di alam persaraan?**
- 1.3.3 **Apakah pesara-pesara memerlukan keperluan fisiologi dan sosio-budaya dalam menempuh hidup di alam persaraan?**
- 1.3.4 **Apakah pesara-pesara memerlukan keperluan ekonomi dalam menempuh hidup di alam persaraan?**
- 1.4.5 **Apakah pesara-pesara memerlukan keperluan kesihatan dalam menempuh hidup di alam persaraan?**

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah keperluan-keperluan yang diperlukan oleh warga tua, khususnya, pesara-pesara sektor awam. Di samping itu, melalui penyelidikan ini dapat dikenal pasti apakah masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang timbul di kalangan pesara-pesara dalam memenuhi keperluan-keperluan tersebut, dan apakah cara-cara untuk mengatasinya.

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini adalah merupakan satu sumbangan kepada bahan-bahan penyelidikan mengenai warga tua, khususnya, pesara-pesara sektor awam dalam konteks Malaysia, yang kini sedikit sahaja. Penyelidikan ini juga akan menjadi suatu sumber panduan kepada agensi-agensi kerajaan dalam membela nasib hidup warga tua. Ianya berguna kepada agensi-agensi tersebut dalam membuat perancangan dan strategi untuk

membantu warga tua, khususnya, pesara-pesara sektor awam untuk menikmati hidup yang lebih selesa.


1.6 Skop Kajian

Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah mengenal pasti keperluan-keperluan dari segi keperluan fisiologi dan sosio-budaya, ekonomi dan kesihatan yang diperlukan oleh pesara-pesara. Kajian ini juga ditumpukan kepada pesara-pesara kecuali pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia, yang terdiri dari kumpulan pengurusan dan profesional (Kumpulan A), kumpulan sokongan (Kumpulan B dan Kumpulan C), kumpulan pembantu am rendah, dan pekerja rendah awam (Kumpulan D). Kajian yang dijalankan ini hanya dihadkan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan sahaja.

1.7 Model Penyelidikan

Model penyelidikan dalam kajian ini (lihat Rajah 1) mengandungi dua komponen yang utama, iaitu, angkubah bebas dan angkubah bersandar. Faktor demografi, yang terdiri dari umur, jantina, etnik (bangsa), agama, pendapatan, dan status perumahan adalah merupakan angkubah bebas dan sebagai “input” dalam model ini. Angkubah bersandar pula adalah terdiri dari dua komponen yang lain, iaitu terdiri dari “output” dan “outcome”. Yang dimaksudkan dengan “output” ialah perancangan sebelum bersara, bantuan agensi-agensi kerajaan, dan keperluan-keperluan yang diperlukan semasa bersara. Keperluan-keperluan tersebut adalah terdiri dari keperluan fisiologi dan sosio-budaya, keperluan ekonomi, dan keperluan kesihatan. Komponen kedua untuk angkubah

Rajah 1
Model Penyelidikan



bersandar dalam model ini ialah "outcome", iaitu, kesan yang timbul dari keperluan-keperluan yang dipilih. Kesan yang mungkin timbul ialah, masalah dan kesulitan hasil

dari pemilihan keperluan-keperluan tersebut. Seterusnya, kesan ini akan menjadi sebagai maklumbalas kepada para pesara tentang keperluan mana yang patut diutamakan, atau keperluan mana yang patut diabaikan. Dengan lain-lain perkataan, dengan adanya maklumbalas, maka ini akan dapat membantu pesara-pesara membuat pengubahsuaian dalam memenuhi keperluan mereka.

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ialah seperti berikut:-

- 1.8.1 Terdapat perhubungan di antara angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) dengan perancangan sebelum bersara dalam memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan.
- 1.8.2 Terdapat perhubungan di antara angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) dengan bantuan kerajaan dalam memenuhi keperluan yang diperlukan.
- 1.8.3 Terdapat perhubungan di antara angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) dengan keperluan fisiologi dan sosio-budaya.
- 1.8.4 Terdapat perhubungan di antara angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) dengan keperluan ekonomi.
- 1.8.5 Terdapat perhubungan di antara angkubah bebas (umur, jantina, bangsa, agama, pendapatan, dan status perumahan) dengan keperluan kesihatan.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian melibatkan yang berikut:-

1.9.1 Kajian Kepustakaan

Untuk memahami konsep-konsep, teori dan pelbagai maklumat tentang kajian ini, satu tinjauan terhadap buku-buku, jurnal, majalah, penerbitan kerajaan dan surat khabar yang berkaitan dengan topik ini dilakukan.

1.9.2 Temuramah

Temuramah dilakukan terhadap individu-individu yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini untuk mendapatkan informasi, pandangan dan pendapat. Temuramah dengan Encik Yeow Chin Kiong, Ketua Penolong Pengarah (Pentadbiran), Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan awam Malaysia telah dilakukan untuk mendapatkan informasi tentang operasi Bahagian tersebut. Temuramah juga telah dilakukan terhadap Tuan Haji Mohd Ali Ithnin, Setiausaha Agung Kehormat, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, di Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Kuala Lumpur untuk mendapatkan maklumat tentang Persatuan.

1.9.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data kaji selidik dilakukan dengan dua cara, iaitu, melalui temuduga secara langsung dengan responden, dan penghantaran borang soal selidik kepada responden melalui pos. Temuduga telah dilakukan di Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada tempat tinggal (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan) dan mereka yang bersara dari Perkhidmatan Awam Malaysia sahaja (kecuali

pesara Angkatan Tentera Malaysia). Temuduga ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Borang soal selidik yang disediakan mengandungi lima bahagian, iaitu, Bahagian A, B, C, D, dan E.

Bahagian A adalah terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bentuk soalan yang dikemukakan adalah dalam bentuk pilihan berganda ("multiple choice").

Bahagian B pula adalah mengenai latar belakang pekerjaan responden sebelum mereka bersara. Bahagian C adalah bertujuan untuk mengetahui kedudukan ekonomi responden masa kini.

Bahagian D adalah mengenai dengan aktiviti masa lapang responden. Bahagian E adalah untuk mengetahui keperluan-keperluan yang diperlukan oleh pesara-pesara untuk terus mengharungi hidup di alam persaraan.

Soalan yang dikemukakan dalam Bahagian E adalah berbentuk pilihan berganda dan menggunakan pengukuran skala Likert. Dalam pengukurannya, Likert menggunakan skor tertentu kepada jawapan yang disediakan.

Jawapan yang disediakan dalam soal selidik disusun daripada skor yang bersifat ekstrim positif dan ekstrim negatif. Contoh prinsip pengukuran Likert dapat dilihat seperti di bawah:-

<u>Pandangan/pendapat</u>	<u>Skor</u>
Sangat setuju	5
Setuju	4
Tidak pasti	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

1.9.4 “Pretest”

Ini telah dilakukan dengan menggunakan sepuluh set borang soal selidik yang telah di siapkan. Tujuan “pretest” ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh manakah soalan-soalan yang dikemukakan difahami dan dapat dijawab tanpa sebarang masalah oleh responden. Hasilnya, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan terhadap borang soal selidik yang asal.

1.9.5 Kaedah Penentuan Sampel

Populasi bagi kajian ini adalah semua pesara-pesara sektor awam (kecuali pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia) yang tinggal dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan. Kaedah penentuan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan kuota (“quota sampling”). Penetapan kuota adalah dilakukan berdasarkan kepada kumpulan kerja responden, iaitu, lima peratus responden dari kumpulan A, lima belas peratus dari Kumpulan B, tiga puluh lima peratus dari Kumpulan C, dan selebihnya (45 peratus) dari Kumpulan D. Sebanyak 250 sampel telah dipilih berdasarkan kriteria di atas, dan sebanyak 200 sampel telah diterimapakai untuk digunakan bagi tujuan analisis data.

1.9.6 Analisis Data

Tujuan sesuatu kajian itu dilakukan antara lain adalah untuk menyelidikan (“exploration”), menerangkan sesuatu keadaan (“description”), dan penerangan (“explanation”) tentang sesuatu fenomena sosial. Oleh itu, analisis data adalah merupakan satu langkah di mana seseorang penyelidik atau pengkaji boleh menterjemahkan atau menerangkan tentang sesuatu keadaan dan mengapa keadaan itu berlaku. Untuk tujuan tersebut, data yang diperolehi dari soal selidik yang

dijalankan diproses dengan menggunakan program statistik untuk sains sosial (SPSS). Program ini adalah merupakan suatu alat di mana ianya dapat menolong penyelidik untuk meringkaskan data, membina jadual dan graf, melihat perhubungan di antara angkubah-angkubah, dan menjalankan ujian statistik terhadap hipotesis.⁵

1.10 Had Kajian

Had kajian ini ialah penyelidikan yang hanya dilakukan terhadap populasi dan sampel terdiri dari para pesara kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan sahaja. Kajian ini tidak melibatkan para pesara kerajaan dalam perkhidmatan Angkatan Tentera. Antara kesulitan-kesulitan yang dihadapi ialah konstrain masa, dan masa yang begitu lama diambil untuk menghantar dan menerima balik borang soal selidik dari responden.

1.11 Susunan Bab-Bab Yang Lain

Bab II memberi satu tinjauan mengenai bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu, membincangkan mengenai populasi tua yang kini telah meningkat. Di antara faktor-faktor ini ialah, kualiti kesihatan, kecanggihan bidang perubatan, peningkatan mutu hidup, dan kesedaran masyarakat terhadap masalah yang dihadapi oleh warga tua.

Bab III menerangkan tentang latar belakang pesara-pesara. Bab ini juga membincangkan tentang hari persaraan perlulah disambut dengan perancangan yang baik dan teliti. Beberapa aspek yang perlu dirancang ialah mengenai soal kewangan, soal kesihatan, soal kemasyarakatan, dan soal kekeluargaan.

Bab IV membincangkan penemuan-penemuan yang diperolehi dari kajian yang dijalankan. Bab ini menonjolkan analisis frekuensi dan seterusnya membincangkan ujian hipotesis kajian. Bab V ialah bab penutup kajian ini.

Rujukan

¹Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran, (Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1991), hal. 22.

²Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2, Tahun 1977.

³Tony Lamb and Dave Duffy, The Retirement Threat (Los Angeles: J.P. Tarcher Inc., 1977), hal. 1.

⁴Wan Azmi Ramli, Pengurusan (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1981), hal. 96.

⁵Earl Babbie, The Practical of Social Research, 6th ed. (Belmont, California: Wadsworth Publishing Company, 1992), hal. A33.